

AMALAN GURU MEMBINA UJIAN PENCAPAIAN MATA PELAJARAN

PENGAJIAN AM: SATU KAJIAN KES

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui bagaimana guru membina ujian pencapaian akademik dalam mata pelajaran Pengajian Am (STPM) di sekolah. Tumpuan kajian ialah ke atas dua orang guru yang mengajar di dua buah sekolah di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Data dan maklumat mengenai amalan guru membina ujian diperolehi secara temubual berstruktur dan analisis kertas soalan ujian. Penemuan kajian ini telah memperlihatkan bahawa guru memahami objektif melaksanakan latihan mingguan dan ujian bulanan adalah berbeza dengan peperiksaan pertengahan tahun dan peperiksaan akhir tahun. Penyediaan kertas soalan, skim jawapan dan pemarkahan adalah berbeza antara sebuah sekolah dengan sekolah yang lain, bergantung kepada pihak pentadbir sama ada guru melaksanakannya secara individu atau secara berkumpulan dengan cara megadakan mesyuarat bersama dengan ketua panitia mata pelajaran. Guru menggunakan pelbagai sumber rujukan seperti buku-buku rujukan, majalah dan akhbar harian semasa membina item dan lebih cenderung memilih isu-isu semasa sebagai idea dalam membina item terutamanya bagi soalan berbentuk eseai pada Kertas 2. Walaupun bentuk soalan yang digunakan adalah berbentuk soalan eseai dan objektif , tetapi jenis soalan yang kerap digunakan bagi soalan berbentuk eseai ialah jenis jawapan terhad dan jenis soalan objektif pula ialah jenis aneka pilihan. Kajian ini juga mendapati guru tidak menggunakan Jadual

Penentu Ujian semasa membina soalan. Guru menggunakan kedua-dua kaedah dalam memeriksa skrip jawapan iaitu kaedah '*holistic*' dan analitikal dan menggunakan gred dalam bentuk abjad untuk menggambarkan pencapaian pelajar dalam peperiksaan.

THE TEACHER PRACTICE BUILD ACHIEVEMENT TEST

PENGAJIAN AM SUBJECT: A CASE STUDY

Abstract

The purpose of this research is to find out how teachers build academic achievement test for Pengajian Am subject (STPM) in a school. This research focuses on two teachers who teaches Pengajian Am in two different schools in Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Data and information on the teachers' practice are obtain from structural interview and question papers analysis. The finding of this research show that teachers understand that the objectives of conducting weekly exercises and monthly test are different from mid-years and end-of-years examination. The preparation of the question papers, answer and marking schemes are different between the two schools. They rely heavily on the principals decision whether the teachers conduct the test individually or in group - by having a meet together with the subject head panel. The teachers use varieties of sources such as reference books, magazines and daily news papers in the process of building test items. They also seen to prefer using current issues as ideas in developing the items especially for Paper 2 in essay questions. The type of questions which are commonly used are essay and objective questions, while the type of items that are often used are short answer for essay questions and multiple choice for the objective. This research also found that teachers do not use Table of Specifications during the building of the questions. Two methods were used for scoring essay answers are both holistic and

analytical. Teachers used alphabetical greds to describe level of student achievement in examanations.